

SAADI BSEISO (1902-2001)

Islam, Sosialisme Arab dan Karamah Insaniyah
Dalam Ranah Pemikir Palestin



MOHAMMAD SYAFIQ ISMAIL



GLOBAL PEACE
MISSION
 **Malaysia**

Terbit edisi e-buku, Ogos 2022
© Angkatan Belia Islam Malaysia

Pengarang: Mohammad Syafiq Ismail
Penyunting: Mohd Khairul Anwar Ismail
Reka Bentuk Kulit: Ahmad Aiman
Reka Letak Huruf: Muhammad Fateh



ABIM PRESS PLT (LLP0012799-LGN)
No. 6, Jalan TC 2A/2,
Taman Cemerlang
53100 Kuala Lumpur
MALAYSIA

No. Telefon (P): +603-4108 4500
No. Telefon (HP/Whatsapp): +60133916299
No.Faks: +603-4108 2400
Emel: abimpressmy@gmail.com
Laman Sesawang: www.abimpress.com
FB: www.facebook.com/abimpressmy

Koleksi E-Buku ABIM PRESS boleh diakses dan dimuatturun
secara percuma di pautan berikut:
<https://tinyurl.com/KoleksiEbukuABIMPRESS>

Atau boleh juga ikuti perkembangan E-buku terkini di
halaman FB Abim Press:



PRAKATA



Atas nama Yang Kasih, daku menulis.

Selawat dan salam, buat kekasih.

Gita puji sesempurnanya bagi Allah, selama-lamanya, atas kurnia-Nya dan izin-Nya, sesuai ketetapan-Nya yang tersurat, kita selesai melaksanakan khidmat kepada pemikir Palestin, Saadi Bseiso (سعدى بسيسو) khusus berkait tafsirannya akan hubungkait Islam-Sosialisme Arab dan kepentingannya dalam menjamin *karamah insaniyah* (kemuliaan insan) terjaga.

Hubungan antara Islam dan Sosialisme di Dunia Arab mempunyai dinamika yang menarik. Pada pertengahan kurun lepas, Dunia Arab telah menyaksikan wujudnya kerajaan-kerajaan yang berteraskan ideologi Sosialisme Arab. Menyesuaikan idea Sosialisme Arab dan intipati ajaran Islam merupakan agenda ilmiah yang giat dijalankan sebagai respons kepada situasi politik semasa pada ketika itu.

Kajian ini berusaha untuk mengetengahkan analisis Saadi Bseiso (1902-2001), seorang intelek Palestin, berkenaan jalinan rapat antara Islam dan Sosialisme Arab. Bseiso sebagai pemikir Arab telah melahirkan ramai sarjana, khususnya dalam bidang perundangan. Pun begitu, kita mendapati, pemikiran beliau berkenaan Islam dan Sosialisme Arab ini masih kurang dikaji dan diketengahkan.

Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan analisis kandungan kepada karya beliau yang ditulis khusus berkenaan Islam dan Sosialisme Arab, dan akan menilai secara kritis beberapa konsep beliau ini. Kajian ini juga akan memperkenalkan riwayat hidup Bseiso secara ringkas.

Kajian mendapati bahawa analisis Bseiso bermanfaat buat pewacanaan Islam dan Sosialisme Arab sekaligus, dengan mengemukakan pentafsiran semula kepada intipati Islam yang membela *Karamah Insaniyah* (kemuliaan insan), dan menyelaraskannya dengan perjuangan proletariat Sosialisme Arab. Memahami pemikiran Bseiso merupakan kunci untuk memahami konteks perjuangan Arab-Islam secara lebih mendalam.

Terima kasih kita ucapkan buat pihak ABIM PRESS dan GLOBAL PEACE MISSION atas kesudian menerbitkan dan menyebarkannya secara gratis dan online. Tiada hakcipta yang kita tuntut di balik terbitan ini, ia bebas diulangcetak dan disebar oleh sesiapa saja, dan digunakan dalam kajian-kajian.

Sesungguhnya tiada apa yang kita miliki melainkan kesalahan dan kesilapan. Sementara seluruh kebaikan itu hanyalah milik Allah. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam terjemahan ini, mohon segera dimaklumkan agar segera diperbetulkan, kerana tiada kitab yang sempurna melainkan al-Quran.

Allah Maha Mengetahui.

Syafiq atTauhidi (Mohammad Syafiq Ismail)

20 Muharram 1444H / 18 Ogos 2022M

Maktabah atTauhidi, negeri Sabah alMahmiyah billah.

PENDAHULUAN



Pada pertengahan kurun lepas, Dunia Arab telah menyaksikan wujudnya kerajaan-kerajaan yang berteraskan ideologi Sosialisme Arab, seperti UAR (United Arab Republic) dan Republik Mesir di bawah pimpinan Jamal Abd al-Nasir, Iraq dan Syria di bawah pimpinan Parti Baath masing-masing. Begitu juga dikesan wujudnya kumpulan-kumpulan Sosialis Arab di kawasan-kawasan lain serata Dunia Arab pada ketika itu. Meskipun mereka tidak dapat menubuhkan kerajaan tersendiri, mereka berperanan besar dalam menyebarkan ideologi dan agenda Sosialisme Arab dalam kalangan masyarakat.

Hal ini kembali kepada pelbagai faktor, di antaranya Perang Dunia Pertama dan Kedua yang telah mengubah peta alam, dan kehendak masyarakat Arab ketika itu untuk bebas daripada belenggu penjajahan. Begitu juga, layanan

pemerintahan Uthmaniyah kepada masyarakat Arab tidak mencapai tahap yang memuaskan, adakalanya melangkaui batas kezaliman.

Dari kerana stigma bahawa kapitalisme dan liberalisme itu peninggalan kolonial dan wajar ditentang, maka penggerak politik Dunia Arab yang berpendapat sedemikian mengambil inspirasi daripada Sosialisme dan mengadunnya dengan semangat Nasionalisme Arab untuk membentuk ideologi Sosialisme Arab. Sebahagian pengkaji mendapati bahawa Sosialisme Arab ini berbeza dengan Marxisme, kerana penggerak Sosialisme Arab ini berpegang teguh kepada kearabannya, dan idea Sosialismenya juga haruslah berakar daripada budaya dan pemikiran Dunia Arab. Nasionalisme Arab ialah Sosialisme Arab (Devlin, 1975).

Penggerak Sosialisme Arab seperti Jamal Abd al-Nasir di dalam karyanya *Falsafah al-Tsaurah* (1954) dan Michel Aflaq di dalam *Fi sabil al-Ba'th* (1963), meskipun berpendirian sekular, tetap menghargai peranan Islam sebagai agen penyatu masyarakat. Menyesuaikan idea Sosialisme Arab dan intipati ajaran Islam merupakan agenda ilmiah yang giat dijalankan sebagai respons kepada situasi politik semasa pada ketika itu. Kajian ini berusaha untuk mengetengahkan analisis Saadi Bseiso, seorang intelek Palestin yang hidup pada zaman tersebut, berkenaan jalinan rapat antara Islam dan Sosialisme Arab. Analisis ini bersumberkan daripada siri karyanya yang berjudul *Mawqif al-Islam min al-Ishtirakiyah al-'Arabiyah* yang boleh diterjemahkan sebagai '*Pendirian Islam berkenaan Sosialisme Arab.*'

LATAR BELAKANG RINGKAS SAADI BSEISO



Tidak banyak yang ditulis berkenaan latar belakang Bseiso (Encyclopedia Palestina, 2014). Untuk tujuan ini, kita akan turut menukilkan beberapa maklumat utama daripada bual bicara Usamah Fauzi (2020) khusus berkenaan sahabatnya Bseiso ini.

Beliau bernama Saadi Isa Bseiso. Beliau dilahirkan di Gaza, Palestin pada tahun 1902. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Damsyik dalam bidang Undang-undang dan Syariah Islamiyah. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajiannya di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Sorbonne, Paris, pada tahun 1936 dengan kajian yang berjudul “*Zionisme: Satu Analisis dan Kritikan.*” Kajian ini telah diterbitkan

dalam bahasa Arab (Bseiso 1945). Maka dengan ini, tidaklah keterlaluan sekiranya kita menyimpulkan bahawa kajian Bseiso berkenaan Zionisme ini merupakan kajian kritis pertama dalam bidangnya. Sepertimana yang dimaklumi, Palestin mula didiami Zionis bermula 1917 dengan termeterainya Deklarasi Balfour, dan berlarutan hinggalah berlakunya peristiwa Nakbah pada tahun 1948, kira-kira tiga tahun selepas kajian Bseiso ini diterbitkan dalam bahasa Arab.



Beliau meneruskan hidupnya, berkhidmat dalam bidang perundangan sebagai peguam dan hakim di Syria dan Amerika Syarikat. Beliau pernah berkhidmat sebagai wakil UAR ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan pernah dikurniakan pingat kehormatan oleh Jamal Abd al-Nasir atas sumbangannya kepada UAR. Beliau juga berkhidmat sebagai pensyarah dalam bidang perundangan di beberapa

universiti di Dunia Arab dan Amerika Syarikat. Beliau telah menerbitkan lebih 25 buah buku. Di antaranya ialah *Mujaz Ilm al-Maliyah al-'Ammah wa al-Tasyri' al-Maliy* (Bseiso, 1950), *Israil: Jinayah wa Khiyanah* (Bseiso 1956) dan *Al-Islam Huwa al-Hall* (Bseiso 1994). Usamah Fauzi menggelarkannya sebagai Abu al-Qadha' (Bapa Kehakiman), lantaran sumbangannya dalam menghasilkan generasi pengamal undang-undang di universiti-universiti Dunia Arab dalam tempoh perkhidmatannya di situ. Beliau wafat di Amerika Syarikat pada tahun 2001.

Sebagai seorang anak jati Palestin, kiprah ilmiah dan aktivisme beliau sentiasa bertumpu kepada isu-isu Palestin, dan sentiasa berusaha ke arah penubuhan Palestin sebagai sebuah negara yang merdeka, sepertimana dibuktikan dengan kajian Ph.D beliau yang tersebut. Pada awal kehidupannya, beliau dikatakan terlibat dengan gerakan Ikhwan Muslimun di Palestin (Adli Sadiq 2015). Namun, sepertimana yang akan dibahasakan kelak, beliau bersikap terbuka dan melihat wujudnya keserasian antara Islam dan Sosialisme Arab, bahkan merujuk buku-buku penggerak Ikhwan Muslimun untuk menyokong analisisnya itu, yang justeru telah menghasilkan sintesis yang unik dan wajar dikaji secara mendalam.

Perkara yang menarik perhatian saat mengkaji latar belakang beliau ini ialah, masih terlalu kurang kajian-kajian berkenaan karya-karya beliau, atau yang merujuk karya-karya beliau. Dalam kajian yang ditulis dalam bahasa

Inggeris dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, hanya kajian Gribetz (2017) sahaja yang telah merujuk karya Bseiso ini khas dalam isu sejarah Zionisme. Hal ini bererti sumbangan ilmiah Bseiso masih belum diberikan perhatian yang sewajarnya.

ISLAM DAN SOSIALISME ARAB MENURUT BSEISO



Bseiso telah menulis satu siri makalah – empat buah kesemuanya – yang berjudul *al-Isytirakiyah al-‘Arabiyah* (Sosialisme Arab). Ia diterbitkan dalam *Majallah al-Ma’rifah* – UAR pada tahun 1963. Dua makalah terawalnya ditulis untuk menerangkan falsafah dan prinsip asas Sosialisme Arab. Sementara dua makalah terakhirnya ditulis untuk menerangkan kesepadanan antara Islam dan Sosialisme Arab. Untuk tujuan kajian ini, analisis isi akan bertumpu kepada dua makalah terakhirnya yang tersebut (Bseiso 1963b, 1963c).

Bseiso (1963a) di dalam makalah keduanya daripada siri makalah ini membincangkan empat asas falsafah Sosialisme Arab. Beliau menyatakan bahawa Sosialisme Arab: (1)

mengiktiraf dan membela *Karamah Insaniyah* (kemuliaan manusia), (2) membela keadilan sosial, (3) mengiktiraf bahawa hak milik persendirian merupakan tanggungjawab sosial sekaligus, dan (4) mengiktiraf *al-Tadhamun* (*solidarity*) sebagai tonggak perpaduan masyarakat Sosialis Arab.

Kesepaduan keempat-empat falsafah Sosialisme Arab ini dinilai Bseiso bertepatan dengan tafsiran Islam yang hakiki. Justeru, makalah ketiga dan keempat (Bseiso 1963b, 1963c) dikarang untuk membuktikan wujudnya kesepadanan itu. Makalah ketiga dikhususkan untuk membuktikan kesamaan Islam dan Sosialisme Arab dalam mengiktiraf dan membela kemuliaan manusia. Sementara makalah keempat dikhususkan untuk membuktikan kesepadanan Islam dengan tiga lagi falsafah Sosialisme Arab yang berbaki berkenaan keadilan sosial, hak pemilikan, dan solidariti.

Bseiso (1963b) sebelum mengemukakan analisisnya itu, telah menyenaraikan empat golongan yang berpendapat Islam tidak serasi dengan Sosialisme Arab. Mereka ialah (1) golongan yang menyokong para pemimpin yang menindas, (2) golongan borjuis kapitalis, (3) golongan yang mencari rezeki dengan menyebarkan propaganda, atau (4) orang awam yang tidak memahami Islam dengan kefahaman yang mencerahkan pemikirannya.

Senarai ini menggambarkan kepada kita akan kepelbagaian tentangan yang diterima kepada ideologi Sosialisme Arab pada zaman beliau. Justeru, formulasi tafsiran baharu bagi Islam amat diperlukan sebagai alat

untuk mengukuhkan kedudukan politik UAR dalam masyarakat Arab, serta untuk memperbetulkan imej Islam sebagai agama kebebasan dan keadilan.

Menurutnya lagi, Islam terdiri daripada dua komponen: agama dan negara. Beliau berhujahkan firman Allah yang memerintahkan manusia untuk menyeimbangkan urusan duniawi –termasuklah urusan negara – dan ukhrawi.

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۗ وَلَا
تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ

“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia.” (Quran 28:77)

Lanjutan daripada itu, menurutnya, amat mustahil bagi Islam untuk disepadankan dengan kapitalisme yang menindas kemanusiaan daripada segenap seginya. Secara tidak langsung, ulasan Bseiso ini mengunggulkan Sosialisme Arab yang dilihat sebagai alternatif baik kepada kapitalisme yang menguasai Dunia Arab pada ketika itu.

Begitu juga, ia bertujuan mengubah paradigma pemikiran agama masyarakat Arab, dengan menyediakan alternatif kepada tafsiran agama yang pro-kapitalis dan pro-penindasan. Memperjuangkan Sosialisme Arab bererti mendekatkan diri seseorang itu kepada Allah. Islam

memiliki penganut terbanyak dalam masyarakat Arab pada ketika itu. Justeru, memanfaatkan Islam sebagai penggerak massa menjadi satu kemestian.

Tugas mengajukan kesepadanan Islam-Sosialisme Arab ini dilaksanakan baik oleh Bseiso: dengan memadankan tafsiran agama yang disepakati kesemua aliran Islam dengan keempat-empat falsafah Sosialisme Arab yang tersebut. Kita mendapati tindakan Bseiso memilih tafsiran agama yang disepakati kesemua aliran Islam amat bermanfaat untuk mengurangkan penentangan kepada usahanya ini. Ia terhasil dengan pemilihan ayat-ayat al-Quran yang menyokong falsafah Sosialisme Arab.

a) *Karamah Insaniyah* – antara Islam dan Sosialisme Arab.

Setelah berdekad lamanya Dunia Arab dinaungi kezaliman, sama ada oleh pemimpin yang sebangsa atau seagama yang korup, ataupun penjajah yang merampas kebebasannya dan kekayaannya, mengangkat perjuangan *Karamah Insaniyah* ini sudah menjadi satu tanggungjawab hakiki yang dikongsi semua.

Menyepadankan Islam dan Sosialisme Arab dalam memperjuangkan *Karamah Insaniyah* ini, di samping bertindak sebagai respons kepada realiti hidup Arab pada ketika itu, ia menampilkan imej kesucian perjuangan ini. Memperjuangkan *Karamah Insaniyah* bererti mendekati diri kepada Tuhan.

Beliau melihat bahwa ideal Sosialisme Arab memperjuangkan kemuliaan manusia ini tidak bertentangan dengan Islam. Islam sebagai agama tauhid, menjaga kemuliaan manusia dengan menghalang sebarang tindakan menghambakan diri kepada makhluk. Menghambakan diri kepada manusia, atau menjadi tuan kepada manusia yang menghambakan diri, dilarang di dalam Islam melalui ajaran tauhid ini. Dengan demikian, semua manusia menjadi sama taraf pada kemuliaannya.

Beliau memetik firman Allah (Quran 3:64) sebagai dalil bahawa Islam sebagai sebuah agama memperjuangkan kemuliaan manusia.

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا
وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا
وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ^ج

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengan-Nya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewadewakan selain dari Allah”

Beliau mengkritik Kristian sebagai agama yang telah mempertuhankan manusia, justeru bertentangan dengan konsep kemuliaan manusia ini.

Beliau mengenalpasti bahawa terdapat beberapa perincian ajaran Islam yang secara langsung memelihara kemuliaan manusia, seperti larangan menghina dan mencela sesama manusia. Beliau memetik firman Allah (Quran 49: 11):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ
عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن
نِّسَاءٍ عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ^ط وَلَا تَلْمِزُوا
أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللِّقَابِ^ط

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (dari kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak dari kaum perempuan mencemuh dan merendah-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah setengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk....”

Keperluan kepada makanan merupakan perkara yang paling mampu menundukkan manusia. Menurut pengamatannya, Islam telah memelihara maruah manusia, dengan mewujudkan sistem zakat, di mana kadar kecil daripada harta diambil daripada orang-orang kaya dan diagihkan oleh kerajaan kepada orang-orang miskin. Demikian, orang miskin tidak perlu menghambakan dirinya kepada si kaya untuk sesuap nasi, kerana kerajaan yang berpandukan ajaran Islam telah memelihara keperluannya itu. Menurut Bseiso, sistem zakat yang diperkenalkan Islam ini, di samping bertepatan dengan karamah insaniah, ia turut bertepatan dengan falsafah Sosialisme Arab yang lain seperti keadilan sosial dan solidariti, yang akan disentuh kelak.

Kebebasan hakiki dan kemuliaan manusia yang diperolehi manusia sejak lahirnya itu dipelihara oleh Islam sebagai ajaran tauhid.

b) Keadilan sosial antara Islam dan Sosialisme Arab.

Menurut kajian Kerr (1968, 152-154), pada pertengahan kurun lepas, paling tidak, terdapat tiga bentuk pentafsiran ideologi bagi keadilan sosial di Dunia Arab. Pertamanya ialah pentafsiran neo-fundamentalis Islam yang dipelopori Ikhwan Muslimun, yang mengadunkan keadilan sosial dan nilai-nilai Islam. Kedua ialah tafsiran yang dipelopori Antun Sa'adah, pengasas Parti Sosial Kebangsaan Syria (*Syrian National Social Party/SNSP*), yang mentafsirkannya sesuai

dengan pembinaan bangsa Syria (*Levantine*). Ketiga ialah tafsiran golongan Marxis Arab, yang memperkenalkan konsep pertentangan kelas kepada masyarakat Arab.

Sebelum Bseiso, Sayyiq Qutb dan Mustafa al-Siba'ie merupakan dua tokoh yang telah lebih awal menerokai aspek keadilan sosial dalam Islam. Ia dibuktikan dengan buku *al-Adalah al-Ijtima'iyyah fi al-Islam* (Keadilan Sosial di dalam Islam) oleh Sayyid Qutb (1995) yang dicetak seawal 1954, dan *Isytirakiyyat al-Islam* (Sosialisme Islam) oleh al-Siba'ie (1960). Kedua-dua buku ini juga telah menjadi rujukan bagi Bseiso (1963b). Pun begitu, analisis beliau tetaplah dianggap sebagai sumbangan yang asli dan baharu. Sayyid Qutb meninjau keadilan sosial dalam Islam dengan motif untuk mewujudkan negara Islam, sesuai dengan wawasan Ikhwan Muslimun. Al-Siba'ie pula meninjau keadilan sosial dalam Islam ini dengan motif untuk memperkenalkan teori Sosialisme Islam yang khas untuknya, meskipun dirinya sendiri merupakan pengasas Ikhwan Muslimun di Syria. Sementara Bseiso meninjau keadilan sosial dalam Islam ini untuk disepadankan dengan Sosialisme Arab. Penting juga ditekankan di sini, bahawa Sayyid Qutb dan al-Siba'ie merupakan tokoh besar dalam Ikhwan Muslimun, dan perkaitan Bseiso dengan gerakan Ikhwan di Palestin memberikan kita sedikit latar belakang tentang bagaimana dua literatur ini mencorakkan pemikiran Bseiso.

Bseiso tidak boleh dikelaskan bersama neo-fundamentalis, kerana memperjuangkan Sosialisme Arab. Bseiso tidak boleh dikelaskan bersama Antun Sa'adah, kerana tidak

terlibat dengan SNSP. Bseiso tidak boleh dikelaskan bersama Marxis, kerana memperjuangkan nilai-nilai Islam. Justeru kita melihat, klasifikasi Kerr boleh dikembangkan lagi dengan menambah tafsiran Bseiso sebagai bentuk keempat pentafsiran ideologi keadilan sosial di Dunia Arab.

Bseiso (1963c) menyatakan bahawa Islam telah merealisasikan keadilan sosial, sama seperti yang diperjuangkan oleh Sosialisme Arab. Keadilan sosial yang dimaksudkan beliau bukanlah seperti yang difahami menurut Komunisme ataupun Marxisme. Beliau melihat Sosialisme Arab memberikan keadilan dan kesamarataan peluang kepada semua rakyat: dalam hak bekerja, pemilikan, serta tanggungjawab terhadap negara. Kesamarataan ini dilaksanakan tanpa melihat kepada perbezaan bangsa mahupun warna kulit. Tambahnya lagi, keadilan sosial merupakan kunci kepada kemajuan. Kesemua ini diiktiraf benar dan baik oleh Islam.

Di dalam Islam, keadilan sosialnya berteraskan tauhid yang membebaskan manusia daripada perhambaan dan penindasan. Sebagai sandaran kepada tafsirannya ini, beliau merujuk kepada beberapa firman Allah yang menampilkan aspek keadilan sosial ini. Seperti firman Allah (Quran 4:1):

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ
مِّن نَّفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ
مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

“Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai...”

Yang menarik perhatian kita ialah beliau memetik firman Allah (Quran 24:32), sebagai bukti bahawa Islam memelihara segala hak yang berkaitan keadilan sosial, hatta hak untuk berkahwin, dalam kalangan hamba.

وَأَنْكِحُوا الْأَيَامَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ
عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ

“Dan kahwinkanlah orang-orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang-orang yang soleh dari hamba-hamba kamu, lelaki dan perempuan...”

Tafsiran sebegini tidak popular di dalam ulama pentafsir klasik. Serta, sekalipintas kelihatan naif, kerana di dalam ayat tersebut juga mengiktiraf perhambaan yang ditentang Sosialisme Arab. Tiada jawapan yang diberikan oleh Bseiso berkenaan kontradiksi ini.

c) **Pemilikan Harta Persendirian sebagai Tanggungjawab Sosial**

Di dalam Islam, menurut tafsiran Bseiso (1963c), harta seseorang meskipun diperolehi melalui usaha persendirian, ia bukanlah hak miliki mutlak persendirian. Akan tetapi, ia perlu diagihkan kepada yang memerlukan. Konsep ini dizahirkan dalam bentuk zakat fitrah, sedekah, wakaf dan lain-lain lagi. Beliau memetik firman Allah (Quran 16: 71):

وَاللَّهُ فَضَّلَ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ فِي الرِّزْقِ
فَمَا الَّذِينَ فُضِّلُوا بِرَادِي رِزْقِهِمْ عَلَىٰ مَا مَلَكَتْ
أَيْمَانُهُمْ فَهُمْ فِيهِ سَوَاءٌ

“Dan Allah telah melebihkan sebahagian dari kamu atas sebahagian yang lain pada rezeki yang dikurniakan-Nya; dalam pada itu, orang-orang yang diberi kelebihan itu tidak mahu memberikan sebahagian dari kelebihan hartanya kepada hamba-hamba mereka, supaya orang-orang itu dapat sama mempunyai harta...”

Begitu juga, di dalam Islam, antara prinsip asas berkenaan pemilikan harta ialah anti-monopoli. Harta mestilah dibahagikan kepada golongan yang memerlukan, selaku tanggungjawab sosial. Beliau memetik firman Allah (Quran 59:7):

مَا آفَاءَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى
 فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
 وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ
 دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ^٤

“Apa yang Allah kurniakan kepada Rasul-Nya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu...”

Beliau mengajak pembaca untuk merenung hakikat bagaimana bahayanya monopoli harta yang telah dilakukan oleh golongan borjuis-kapitalis. Ketamakan mereka itu telah menimbulkan pelbagai masalah dalam masyarakat, yang memperbesarkan jurang antara kaya dan miskin.

Islam memelihara jenis pemilikan persendirian ini, dengan meletakkan hukuman ke atas sesiapa saja yang mencabulnya, samada dengan mencurinya, atau merampasnya tanpa kebenaran. Pada masa yang sama, Islam turut memerangi pembaziran, dan menggalakkan umatnya berzakat atau

besedekah sebagai cara untuk membelanjakan lebih harta tersebut.

Beliau juga membahaskan bagaimana Islam menyarankan pemilikan-negara (*nationalisation*) khidmat-khidmat asas untuk kehidupan seperti air, elektrik, dan seumpamanya. Beliau memetik beberapa contoh pengamalan Nabi Muhammad dalam pentadbirannya mengawal sumber air seperti telaga agar tidak dijadikan pemilikan persendirian, dengan membelinya dan mewakafkannya untuk kegunaan orang ramai.

Setelah membahaskan panjang lebar mengenai aspek ini, Bseiso menyimpulkan bahawa kesemua aspek pemilikan persendirian yang menjadi tanggungjawab sosial ini seperti yang dianjurkan Islam, juga dituntut oleh Sosialisme Arab bahkan menjadi falsafah asasnya.

d) Solidariti – antara Islam dan Sosialisme Arab

Konsep *al-Tadhamun* (Solidariti) ini bukanlah perkara yang baru dalam masyarakat Arab, menurut Bseiso. Islam telah menganjurkan sikap tidak pentingkan diri (*selflessness*), pengorbanan, dan toleransi demi perpaduan umat. Muslim yang memiliki sikap-sikap ini, yang bersolidariti untuk kesatuan, dinilai sebagai penganut Islam yang baik, dan yang dekat kepada Tuhan.

Di dalam Islam, kesemua pihak, tanpa mengira usia, jantina, bangsa, mahupun warna kulit terlibat secara saksama dalam solidariti ini. Beliau memetik firman Allah (Quran 5:2):

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا
عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan...”

Menurutnya, zakat merupakan instrumen solidariti yang baik yang telah dianjurkan Islam. Di mana si kaya, mengorbankan hartanya untuk membantu si miskin, atas semangat solidariti agama. Sosialisme Arab juga menganjurkan semangat solidariti yang sama seperti Islam, justeru tidak bercanggah antara satu sama lain bahkan saling menyokong.

PENILAIAN KRITIS KEPADA BEBERAPA KONSEP YANG DIBAWAKAN BSEISO



Di dalam dua makalah terakhirnya dalam siri *al-Isytirakiyah al-'Arabiyah*, seperti yang telah dibincangkan dalam kajian ini, beliau meneroka kesepadanan Islam dan Sosialisme Arab. Beliau membawa hujahan daripada al-Quran untuk membuktikan kesyariatian keempat-empat falsafah Sosialisme Arab yang telah digariskannya.

Namun, yang boleh dipersoalkan ialah, pendirian Bseiso terhadap Islam dan Sosialisme Arab itu sendiri: sekiranya Islam sudah memadai untuk menjadi sistem politik yang baik, maka tiadalah perlunya kepada Sosialisme Arab. Begitu juga sebaliknya, sekiranya Sosialisme Arab sudah memadai untuk masyarakat Arab, maka tiadalah perlunya kepada justifikasi Islam.

Sebagai contoh, kita boleh menimbulkan persoalan: adakah sistem zakat yang diperkenalkan Islam akan turut dikekalkan dalam pemerintahan yang berpegang kepada Sosialisme Arab Bseiso ini? Kita amat mencurigainya. Hal ini kerana beliau menilai zakat dari segi kepentingan sosialnya sahaja, dan mengabaikan aspek tanggungjawab keagamaan, yang turut melibatkan soal pahala-dosa, yang ada di dalam sistem zakat. Zakat dilaksanakan oleh umat Islam kerana ia merupakan salah satu daripada rukun Islam sebagai objektif primernya, untuk mendapat pahala dan menghindari dosa, sedangkan manfaat sosialnya dinilai sebagai objektif sekunder (al-Qaradhawi 1973, 963-992). Pahala dan dosa di dalam Islam bukan hanya melibatkan tanggungjawab, ia juga melibatkan soal faham sarwa (*worldview*) seseorang yang meyakini wujudnya Akhirat selepas kematian sebagai tempat menerima balasan baik atas pahala dan balasan buruk atas dosa semasa hidup di dunia. Faham sarwa Islam pula sudah tentu berbeza dengan faham sarwa bukan-Islam, yang mana keduanya wujud di dalam kalangan masyarakat Arab. Sistem zakat menurut Islam tidak melibatkan masyarakat bukan-Islam, samada dari segi kutipan mahupun pengagihannya. Hal ini berpotensi mewujudkan konflik antara Muslim-Arab dan Bukan Muslim-Arab, dan berlawanan dengan idea Pan-Arabisme dan Nasionalisme Arab yang ada dalam Sosialisme Arab. Bererti, kemungkinan pemansuhan sistem zakat dalam Sosialisme Arab adalah kemungkinan hampir-pasti.

Begitu juga, kita boleh menimbulkan persoalan yang sama pada falsafah ketiga Sosialisme Arab: pemilikan harta persendirian sebagai tanggungjawab sosial. Tanggungjawab

sosial di dalam Islam bersumberkan faham sarwa Islam, yang melibatkan soal pahala dosa dan Akhirat yang telah dibahaskan sebelum ini. Pemilikan harta dalam Islam justeru berpandukan faham sarwa ini. Pemilikan harta sebagai tanggungjawab sosial dalam Sosialisme Arab akan berlaku sekiranya didokong secara eksplisit oleh Pan-Arabisme dan Nasionalisme Arab, yang akhirnya akan menterjemahkan tanggungjawab sosial sebagai ‘tanggungjawab sosial Arab.’ Tanggungjawab sosial menurut Islam, walaupun senada dengan Sosialisme Arab dalam usahanya merapatkan jurang kaya-miskin dan menghapuskan penindasan sosial, tetapi dari kerana sifat Islam yang kosmopolitan dan sejagat, akan mencabar kearaban Sosialisme Arab. Tanggungjawab sosial Arab akan berpecah kepada dua; tanggungjawab sosial Muslim-Arab dan tanggungjawab sosial Bukan Muslim-Arab, yang mengukuhkan perpecahan masyarakat Arab dan bertentangan dengan kehendak Sosialisme Arab sebagai pemersatu Arab. Kita mengulang semula soalan yang kita nyatakan sebelum ini; sekiranya Sosialisme Arab sudah memadai untuk masyarakat Arab, maka tiadalah perlunya kepada justifikasi Islam.

Membaca pemikiran yang Bseiso titipkan dalam penulisan ini, justeru haruslah disekalikan dengan tuntutan semasanya. Bseiso menulis karyanya ini sebagai tanda sokongannya kepada penggagasan UAR. Sokongannya itu cuba disemikan dengan tuntutan agamanya. Namun, seperti yang dikesan dalam beberapa penghujahannya, ada beberapa kontradiksi yang ketara. Kontradiksi yang paling utama, dan kita kira wajar ditekankan dalam bahagian

kajian ini ialah, antara prinsip UAR sebagai sebuah republik sekular yang bertunjangkan Sosialisme Arab, dan usaha Bseiso membuktikan kesyariatan Sosialisme Arab ini kepada pembacanya.

Keghairahan Bseiso dalam menyatukan Sosialisme Arab dan Islam, terpamer di dalam tafsirannya yang dilakukan secara terburu-buru akan beberapa ayat suci, seperti ayat al-Quran (24:32) yang menurutnya mencerminkan penjagaan Islam akan hak berkahwin bagi hamba mahupun merdeka. Sedangkan di sisi lain ayat itu, terdapat pembahagian kelas 'merdeka-hamba' yang boleh difahami bertentangan dengan konsep *Karamah Insaniyah* yang diangkat beliau. Berbanding menjawab kontradiksi ini, beliau dilihat lebih gemar mendiamkannya dan beralih mensyarahkan persamaan selanjutnya antara Islam dan Sosialisme Arab.

Seseorang boleh meneka yang beliau hanya memetik dan mengemukakan tafsiran yang bermanfaat untuk populariti Sosialisme Arab sahaja. Sekiranya tekaan ini sepenuhnya tepat, ia akan mengurangkan nilai ilmiah dan objektiviti bagi tafsiran-tafsiran Bseiso ini, dan hanya boleh dibaca menurut lensa politik UAR pada zaman itu. Tetapi satu perkara yang menarik perhatian kita di dalam tekaan ini: apakah motif utama Bseiso membela kesyariatan Sosialisme Arab yang ditaja UAR? Kita tidak boleh melupakan fakta yang Bseiso merupakan anak jati Palestin, dan menyaksikan Nakbah 1948 berlaku di hadapan matanya. Bseiso memiliki dendam kesumat terhadap Zionis yang telah menjajah pertiwinya. Justeru, menyokong UAR dan penyebaran ideologinya kepada massa merupakan pilihan terbaik pada ketika itu. UAR

memerlukan idealog seperti Bseiso untuk mempopularkan Sosialisme Arab, dan Bseiso menyimpan wawasan agar UAR membebaskan Palestin daripada cengkaman Zionis.

Siri *al-Isytirakiyah al-Arabiyah* yang kita bahaskan di dalam kajian ini diterbitkan pada 1963, kira-kira dua tahun selepas penubuhan rasmi UAR. Pada 1967, UAR melancarkan perang selama enam hari bermula 5 Jun hingga 10 Jun kepada Zionis, namun berakhir dengan kekalahan UAR. Fakta ini menyokong tekaan tersebut, bahawa Bseiso mengarah hubungan Islam dan Sosialisme Arab pada tahun 1963, dengan motif politik yang kuat.

Tetapi, adakah dengan demikian, kita boleh menafikan motif agama di dalam usaha pemaduan Islam-Sosialisme Arab ala Bseiso ini? Kita berpendapat, tidak boleh sama sekali. Hal ini kerana Bseiso mewujudkan keselarian Islam-Sosialisme Arab sebagai kritik sosial yang ampuh. Ia tidak hanya bertujuan mempopularkan Sosialisme Arab, tetapi yang lebih utama, menyediakan ruang dan alat untuk masyarakat berubah melalui advokasi agama.

Masyarakat Arab pada zaman kemunculan Sosialisme Arab ini sudah lama menantikan reformasi sosial (Kerr, 1968: 151). Perhambaan moden diperkenalkan melalui sistem *kurbasy* (cemeti) di mana rakyat biasa (*fallahin*/petani) dipaksa bekerja tanpa gaji untuk kepentingan pemimpin Uthmaniyah dan British, dan dihukum dengan *kurbasy* sekiranya gagal melaksanakan perintah. Sistem riba yang mencekik rakyat biasa di perkampungan juga berleluasa. Ditambah lagi dengan kemunduran sistem pendidikan dan

literasi masyarakat Arab pada ketika itu, yang memerlukan perubahan yang bersifat segera dan efektif. Maka, dari kerana agama merupakan elemen terkuat yang ada di dalam diri masyarakat Arab pada ketika itu, ia perlu digandingkan sekali dengan visi Sosialisme Arab yang ke arah pembebasan.

Secara implisit, bilamana beliau menyenaraikan empat golongan yang menentang Sosialisme Arab: (1) golongan yang menyokong para pemimpin yang menindas, (2) golongan borjuis kapitalis, (3) golongan yang mencari rezeki dengan menyebarkan propaganda, atau (4) orang awam yang tidak memahami Islam dengan kefahaman yang mencerahkan pemikirannya; beliau menunjukan penerangan keselarian Islam-Sosialisme Arab kepada empat golongan ini, dengan harapan mereka berubah fikiran, atau paling tidak, telah diberikan apparatus ideologi untuk mengubah diri sendiri dan tidak lagi berminda tertawan.

Keghaiban ribuan para ulama Arab pada pertengahan kurun lepas daripada perjuangan sosial lingkungannya juga harus ditekankan dan difahami sebagai isu Arab, yang akhirnya mewarnai kefahaman agama pada waktu itu. Al-Quran, sepertimana yang dikupas Bseiso, menolak unsur penindasan dan penyalahgunaan kuasa oleh pemimpin, dan membantah unsur berpeluk tubuh dan bersubahat dengan polisi-polisi zalim oleh rakyat – termasuklah para ulama – pada waktu itu.

Tepat untuk kita menyimpulkan idea Bseiso berkenaan keselarian Islam dan Sosialisme Arab bermotifkan perjuangan politik dan perjuangan agama.

KESIMPULAN



Sebagai kesimpulan, kita mendapati analisis Bseiso bermanfaat buat pewacanaan Islam dan Sosialisme Arab sekaligus, dengan mengemukakan pentafsiran semula kepada intipati Islam yang membela *Karamah Insaniyah* (kemuliaan insan), dan menyelaraskannya dengan perjuangan proletariat Sosialisme Arab. Memahami pemikiran Bseiso merupakan kunci untuk memahami konteks perjuangan Arab-Islam secara lebih mendalam.

Terdapat persamaan yang ketara dalam hujahan Bseiso dan para pemikir teologi pembebasan Islam (lihat Esack 1989) berkenaan peranan ajaran Tauhid sebagai mangkin (*catalyst*) kepada pembebasan manusia daripada kekuasaan dan penindasan makhluk. Meskipun Bseiso tidak menamakan pemikirannya sebagai Teologi Pembebasan Islam, namun, sumbangan tersebut boleh dianggap sebagai

antara sumbangan pertama yang seumpamanya di dalam literatur Islam. Kita boleh menggelarkan pemikiran Bseiso sebagai Proto-Teologi Pembebasan Islam (*Proto-Islamic Liberation Theology*).

Kita berpendapat, kajian ini masih berada di dalam peringkat permulaannya. Kajian yang lebih intensif perlu dilakukan untuk memahami pendirian Bseiso berkenaan isu ini, dengan menganalisis juga karya-karyanya yang terkemudian seperti *al-Islam Huwa al-Hall* (1994). Begitu juga, kita harus membandingkan karya-karya ilmuwan Islam yang sezaman dengan beliau yang memiliki kontak langsung dengan UAR, seperti Malik Bennabi, untuk memahami kesalingan Islam-Sosialisme Arab menurut sudut pandangan lain pula.

Malik Bennabi dijemput ke Mesir atas perintah Jamal Abd al-Nasir pada tahun 1954, diberikan suaka dan kos sara hidupnya ditanggung rasmi oleh pihak pemerintah Mesir. Kesemua ini dengan syarat; Bennabi harus menulis untuk menyokong idea dan gaya pemerintahan Abd al-Nasir. Sebagai contoh, Bennabi menulis karyanya yang berjudul *Fikrah al-Ifriqiyah al-Asiawiyah* (Ideologi Afro-Asia) (Bennabi 2001) dan menerbitkannya pada tahun 1956, mengambil inspirasi daripada Konferens Bandung 1955. Bennabi juga menulis karyanya yang berjudul *Fikrah Komenwelts Islami* (Ideologi Komanwel Islami) (Bennabi 2000) dan menerbitkannya pada tahun 1960, setahun sebelum penubuhan rasmi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (*Non-Alignment Movement/NAM*). Oleh itu,

menurut pemerhatian kita, karya-karya Bennabi pada 60an kurun lepas harus ditinjau bersekali dengan Islam-Sosialisme Arab yang diperjuangkan Abd al-Nasir dan Bseiso. Sekiranya terdapat kaitan yang kuat, maka sebagai kesimpulan awal, kita boleh mengaitkan karya-karya Bseiso dan Bennabi kepada penerimaan NAM (Choucri 1969) dan idea Afro-Asia dalam kalangan intelek dan masyarakat awam Arab.

Kajian ini memberikan pencerahan tentang wujudnya pemikir Muslim seperti Bseiso yang telah menyumbang kepada usaha penyepadanan Islam-Sosialisme Arab, khususnya pada era penubuhan UAR (1958-1971) yang singkat itu.

BIBLIOGRAFI



- Abd al-Nasir, Jamal. 1954. *Falsafah al-Tsaurah*. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Abdullah, B. 2007. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Adli Sadiq. 2015. *Umnayat al-Haml min dun Nikah*. Dipetik daripada: <https://www.alaraby.co.uk/أمنية-الحمل-من-دون-نكاح> (Akses terakhir: 12.9.2021)
- Aflaq, Michel. 1963. *Fi Sabil al-Ba'ts*. Beirut: Dar al-Tali'ah.
- Al-Qaradhawi, Y. 1973. *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Siba'ie, Mustafa. 1960. *Isytirakiyyat al-Islam*. Kaherah: Syarikat Tauzi' al-Jumhuriyah.
- Bennabi, M. 2000. *Fikrah Komenwelts Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.

- Bennabi, M. 2001. *Fikrah al-Ifriqiyah al-Asiawiyah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Bseiso, Saadi. 1950. *Mujaz Ilm al-Maliyah al-'Ammah wa al-Tasyri' al-Maliy*. Baghdad: Matba'ah al-Tafayyudh.
- Bseiso, Saadi. 1956. *Israil: Jinayah wa Kbiyanah*. Aleppo: Matba'ah al-Syarq.
- Bseiso, Saadi. 1963c. *Al-Isytirakiyah al-'Arabiyah: Mauqif al-Islam min al-Isytirakiyah al-'Arabiyah*. *Majallah al-Ma'rifah* 11, 14-20. United Arab Republic: Wizarah al-Tsaqafah wa al-Irsyad al-Qaumi.
- Bseiso, Saadi. 1994. *Al-Islam Huwa al-Hall*. Los Angeles: Beirut Times Publishing Co.
- Bseiso, Saadi. 1945. *Al-Suhyuniyah: Naqd wa Tablil, Dirasah Ilmiyyah Siyasiyah Tarikhiyah Qanuniyah li al-Suhyuniyah wa al-Intidab al-Britani*. Jerusalem: Dar al-Maarif.
- Bseiso, Saadi. 1963a. *Al-Isytirakiyah al-'Arabiyah: Mabadi'uha, Khasaisuha, wa Falsafatuba*. *Majallah al-Ma'rifah* 8, 22-29. United Arab Republic: Wizarah al-Tsaqafah wa al-Irsyad al-Qaumi.
- Bseiso, Saadi. 1963b. *Al-Isytirakiyah al-'Arabiyah: Mauqif al-Islam min al-Isytirakiyah al-'Arabiyah*. *Majallah al-Ma'rifah* 9, 36-91. United Arab Republic: Wizarah al-Tsaqafah wa al-Irsyad al-Qaumi.

- Choucri, N. 1969. *The Nonalignment of Afro-Asian States: Policy, Perception, and Behaviour*. Canadian Journal of Political Science, 2(1), 1-17.
- Devlin, John. 1975. *The Baath Party: A History from its Origins to 1966*. California: Hoover Institute Press.
- Encyclopedia Palestina. 2014. *Sa'di Isa Bseiso*. Dipetik daripada: <https://www.palestinapedia.net/2001-1902-سعدى-عيسى-بسيسو-> (Akses terakhir: 12.9.2021)
- Esack, Farid. 1989. *But Musa Went to Firaun!: A Compilation of Questions and Answers About the Role of Muslims in the South African Struggle for Liberation*. Maitland: Call of Islam.
- Gribetz, J. 2017. *The PLO's Rabbi: Palestinian Nationalism and Reform Judaism*. The Jewish Quarterly Review, 107(1), 90-112.
- Kerr, M. 1968. *Notes on the Background of Arab Socialist Thought*. Journal of Contemporary History 3(3), 145-159.
- Sayyid Qutb. 1995. *Al-'Adalah al-Ijtima'iyyah fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Usamah Fauzi. 2020. *Al-Duktur Sa'di Bseiso Abu al-Qadha' fi al-'Alam al-'Arabi* (Video). Dipetik daripada: <https://www.youtube.com/watch?v=JFQFgg82sz4> (Akses terakhir: 12.9.2021)

